



Penangan Cendawan Ajaib

| oleh Mohd Fadhli Razali

SUMBER: https://commons.wikimedia.org/wiki/File:Golden_teacher_kookoskuidussa.jpg

Pengenalan

Anda pasti biasa mendengar tentang isu penyalahgunaan opiod, candu, ganja, ekstasi, ketum, dan syabu kan? Namun, pernahkah anda mendengar tentang penyalahgunaan Cendawan Ajaib (*Magic Mushroom*)?

Terdapat pelbagai jenis cendawan beracun di dunia. Ada yang boleh menyebabkan sakit perut dan cirit-birit, ada juga yang boleh menyebabkan kegagalan organ malah kematian, bergantung kepada spesis yang dimakan.

Terdapat beberapa spesis cendawan dalam *genus* *Psilocybe* yang mengandungi bahan aktif utama *Psilocybin*, iaitu bahan aktif halusinogen yang sangat kuat dan lebih dikenali sebagai *Magic Mushroom* atau Cendawan Ajaib dalam Bahasa Melayu. Antara nama-nama lain yang popular termasuklah, *Shroom* dan *Booms*.

Penyalahgunaan Cendawan Ajaib

Cendawan ajaib ini disalahgunakan kerana ia mampu menyebabkan kesan halusinasi, rasa seronok yang melampau dan tidak sedar sepenuhnya. Ia juga boleh mengubah persepsi, emosi dan pemikiran penggunanya. Malah, dikatakan 5 minit di dunia nyata seolah-olah seperti 2-3 jam di dalam dunia khayalan akibat pengambilan cendawan ajaib. Ia seolah-olah anda bermimpi dalam keadaan sedar.

Antara spesis yang dicari ialah spesis *Psilocybe cubensis*, *Psilocybe semilanceata* dan *Psilocybe baeocystis*. Penyalahgunaan cendawan ini sangat popular di Mexico, Amerika Selatan dan di Amerika Syarikat.

Pelbagai cara cendawan ini disalahgunakan oleh penggunanya. Antaranya termasuklah:

- *Cendawan dimakan mentah atau dikeringkan
- *Cendawan diminum dalam bentuk teh
- *Pengambilan cecair bahan aktif *Psilocybin* atau dipanggil '*Microdosing*'
- *Dimasukkan ke dalam peranti seperti vape atau rokok

Bagaimana *Psilocybin* bertindak di dalam badan

Psilocybin adalah halusinogen yang bertindak mengaktifkan reseptor serotonin dalam otak, terutamanya di bahagian korteks hadapan, bahagian otak yang mengawal mood, kognitif dan persepsi.

Struktur kimia *Psilocybin* mempunyai sedikit kesamaan dengan struktur kimia *lysergic acid diethylamide* (LSD). *Psilocybin* akan ditukarkan kepada *psilosin*, sebelum ia bertindak dan kesan halusinatif bahan ini kebiasaannya akan dirasai dalam 30 minit selepas pengambilan dan bertahan sehingga 4 hingga 6 jam. Tetapi ia juga bergantung kepada kuantiti yang diambil, dan pengalaman pengambilan. Kesannya mungkin tidak sama bergantung kepada individu itu sendiri.

Kesan Keracunan Cendawan Ajaib

Selain daripada kesan halusinatif, cendawan ajaib juga boleh menyebabkan kesan keracunan yang lain. Ini termasuklah:

- *Kekeliruan
- *Mengantuk yang teruk
- *Loya dan muntah
- *Berpeluh-peluh
- *Degupan jantung yang laju
- *Tekanan darah tinggi
- *Muka menjadi kemerah-merahan
- *Hilang koordinasi badan
- *Sawan (terutamanya jika terambil oleh kanak-kanak)
- *Kegagalan buah pinggang
- *Jantung terhenti
- *Psikosis dan reaksi panik

Penyalahgunaan Cendawan Ajaib di Malaysia

Penyalahgunaan cendawan ajaib di Malaysia bukan isu baru. Jika dibuat pencarian berita di dalam internet, seringkali terpapar berita Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) membuat rampasan cendawan ajaib terutamanya di pusat-pusat hiburan.

Psilocybin memang jelas termaktub di dalam Jadual Pertama, Akta Dadah Berbahaya 1952 di mana memperuntukkan hukuman terhadap kesalahan mengedar, memiliki dan menggunakannya.

Kini, pengambilan cendawan ajaib telah diasimilasi pula ke dalam budaya menghisap *vape* terutamanya dalam kalangan anak-anak muda. Malahan, cecair *vape* mengandungi cendawan ajaib ini dikatakan diimport secara haram dari luar negara dan dijual dengan harga yang tinggi sekitar RM300 sebotol di Malaysia.

Pusat Racun Negara juga telah menerima beberapa panggilan kes keracunan yang disyaki mengandungi cendawan ajaib yang dicampur ke dalam cecair *vape*. Malah ada kes yang melibatkan kanak-kanak!■



FAKTA NOMBOR

3 Punca Utama Keracunan Tidak Disengajakan di Malaysia berdasarkan data kes keracunan yang dilaporkan ke PRN pada tahun 2018.



48.1%

BAHAN KIMIA/RACUN ditinggalkan tanpa pengawasan atau disimpan di tempat yang tidak sesuai atau selamat



13.9%


BAHAN KIMIA /RACUN disimpan dalam bekas tidak berlabel atau dipindahkan ke dalam bekas lain



9.2%

BAHAN KIMIA / RACUN disalah anggap sebagai makanan/minuman atau ubat-ubatan

Pecahan Kejadian Keracunan Tidak Disengajakan Mengikut Peringkat Usia



BAYI
KANAK-KANAK KECIL
KANAK-KANAK
REMAJA
DEWASA
WARGA EMAS



Keracunan Vape

| oleh Sulastri Samsudin

Vape mula diperkenalkan dalam pasaran dunia pada tahun 2004 sebagai produk mengurangkan kemudaratan (*harm reduction product*) untuk digunakan dalam terapi berhenti merokok.

Namun setelah hampir 2 dekad di pasaran, banyak kajian dan laporan terhadap kesan buruk akibat penggunaan *vape* telah dikeluarkan. Selain berisiko menyebabkan kesan jangka panjang terhadap kesihatan seperti penyakit berkaitan paru-paru akibat penggunaan rokok elektronik atau *vape* (EVALI, *E-cigarette and vape product related lungs injury*), menghisap *vape* juga berisiko mengalami kesan buruk lain seperti keracunan akut, malahan kecederaan sama ada akibat letupan atau kebakaran sehingga menyebabkan kematian mengejut.

Di Malaysia, *vape* mula dipasarkan secara komersil pada tahun 2015. Sejak dari itu, Pusat Racun Negara (PRN) telah menerima hampir 30 kes keracunan berkaitan *vape* dengan peningkatan ketara pada 2 tahun kebelakangan ini. Sebanyak 6 kes telah dilaporkan pada tahun 2019, manakala pada tahun 2020, kes bertambah dua kali ganda kepada 13 kes.

Seperti kes-kes keracunan *vape* di negara lain, kebanyakan kes keracunan cecair *vape* yang berlaku di Malaysia melibatkan kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan 1 hingga 4 tahun. Malahan, mangsa paling muda yang pernah dilaporkan kepada PRN adalah seorang bayi yang baru berusia 4 bulan! Majoriti mangsa mengalami keracunan akibat terminum cecair isian semula *vape* yang diletakkan di tempat yang mudah dicapai oleh kanak-kanak. Terdapat 2 kes dimana kanak-kanak yang baru berusia 9 dan 10 bulan cuba menghisap *vape* kepunyaan ahli keluarga dan mengalami gejala masalah pernafasan. Hampir semua pesakit yang dilaporkan mengalami gejala seperti muntah, sakit perut, cirit-birit dan pening kepala. Seorang kanak-kanak berusia 4 tahun mengalami kesan paling teruk sehingga sawan dan tidak sedarkan diri.

Dalam kebanyakan kes, kandungan cecair isian semula *vape* tidak dapat dikenalpasti dengan tepat kecuali bahan asasnya yang didakwa selamat iaitu propilena glikol, gliserin dan bahan perasa. Namun di Malaysia, daripada sudut undang-undang *vape* didefinisikan sebagai rokok elektronik yang tidak mengandungi nikotin. Tetapi jika diperhatikan gejala-gejala yang dialami oleh pesakit, rata-rata menunjukkan kesan akut keracunan nikotin. Ini memberi gambaran bahawa kemungkinan besar cecair tersebut mengandungi nikotin dan menyalahi undang-undang yang telah ditetapkan. Sebarang sediaan yang mengandungi nikotin dikategorikan sebagai racun kumpulan C yang dikawal mengikut Akta Racun 1952.

Fenomena ini diburukkan lagi dengan satu laporan kes keracunan *vape* yang diterima oleh PRN pada awal tahun ini. Berdasarkan maklumat daripada mangsa, cecair *vape* yang beliau gunakan disyaki mengandungi bahan terlarang iaitu dadah berbahaya *Psilocybin* yang boleh didapati daripada ekstrak cendawan atau secara sintetik yang dikenali sebagai *magic mushrooms*, *shrooms* atau *booms*. Penambahan bahan terlarang ke dalam cecair isi semula *vape* akan membuka ruang kepada penyalahgunaan bahan yang lebih berbahaya pada masa akan datang.

Bilangan pengguna *vape* di Malaysia kini telah melebihi sejuta orang dan kebanyakan mereka adalah daripada golongan remaja. Adakah kita sanggup menggadaikan nasib bakal pewaris negara kita dengan menerima *vape* sebagai pengganti kepada rokok? Pusat Racun Negara berpendirian bahawa kedua-dua amalan sama ada menghisap rokok atau pun *vape* adalah satu proses meracuni diri sendiri dengan sengaja dalam jangka panjang. Justeru itu, *vape* bukanlah satu alternatif untuk berhenti merokok.

Yakin dan percayalah dengan saranan pengamal perubatan anda untuk menggunakan terapi ubat-ubatan yang diiktiraf dan telah dikaji keselamatannya. Berhenti menghisap *vape* atau jangan mulakan! ■

Aflatoksin

oleh Leong Yin Hui

Pengenalan

Aflatoksin adalah sejenis toksin yang terhasil secara semulajadi daripada kumpulan kulat tertentu dan ia biasa dijumpai di dalam tanaman makanan seperti jagung, kacang, beras, bijirin dan lain-lain. Toksin yang terhasil daripada kulat ini dikenali sebagai mikotoksin. Antara genus kulat yang menghasilkan mikotoksin adalah seperti *Fusarium*, *Aspergillus*, *Penicillium* dan *Alternaria*. Kelas utama bagi mikotoksin termasuklah aflatoksin, toksin fusarial (*trichothecenes*, *fumonisins*, *zearalenone*), okratoksin A dan alkaloid ergot. Aflatoksin merupakan mikotoksin paling berbahaya yang dihasilkan daripada kulat jenis *Aspergillus*.

Organisasi Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) menganggarkan kira-kira 25% tanaman dunia telah dicemari oleh mikotoksin setiap tahun. Masalah ini telah mendapat banyak perhatian sejak tiga dekad yang lalu akibat daripada kerugian besar pada ekonomi dan kesihatan manusia. Pencemaran aflatoksin menjejaskan kualiti produk pertanian sehingga memberikan impak yang buruk kepada aktiviti pertanian dan juga pengguna. Sehingga hari ini, belum ada lagi kaedah yang berkesan untuk menghapuskan toksin ini dari rangkaian penghasilan dan pemprosesan makanan sepenuhnya.

Apakah kesan aflatoksin kepada kesihatan manusia?

Aflatoksin bersifat karsinogenik (cenderung menyebabkan kanser) dan sangat toksik. Setakat ini, lebih daripada 14 jenis aflatoksin telah dikenalpasti, empat (4) daripadanya iaitu AFB1, AFB2, AFG1 dan AFG2 merupakan aflatoksin utama yang berupaya mendatangkan kesan berbahaya kepada manusia dan haiwan. AFB1 dan ia terhasil daripada kulat *Aspergillus flavus* dan *Aspergillus parasiticus* merupakan aflatoksin yang paling toksik telah dikenal pasti. AFB1 dan aflatoksin-aflatoksin lain telah dikategorikan sebagai karsinogen kumpulan satu oleh Agensi Penyelidikan Kanser Antarabangsa. AFB1 telah dikaitkan sebagai punca mengakibatkan kanser hati yang merupakan salah satu penyebab utama kematian di seluruh dunia. Selain bersifat karsinogenik, aflatoksin juga melemahkan sistem imun tubuh, membantutkan pertumbuhan, menyebabkan ketoksikan pada hati dan juga gangguan terhadap sistem pembiakan.




Faktor yang mempengaruhi penghasilan aflatoksin

Secara umum, aflatoksin mengancam tanaman yang ditanam di kawasan bersuhu panas, terutamanya pada musim kemarau yang bersuhu tinggi. Amalan penuaian, proses penyimpanan, pengangkutan dan pemasaran yang tidak dikawal dengan betul juga menyumbang kepada pertumbuhan kulat dan meningkatkan risiko terhasilnya aflatoksin. Aflatoksin biasanya mencemari pelbagai jenis komoditi pertanian utama seperti bijirin (jagung, betari, beras, gandum), rempah-ratus (cili, kunyit, lada hitam), minyak bijirin (kacang tanah, biji kapas), pokok kacang (badam, pistasio, walnut) dan susu (manusia dan haiwan). Dengan keadaan perubahan iklim semasa, pencemaran aflatoksin terhadap tanaman dijangka akan meningkat di seluruh dunia.

Senario pencemaran aflatoksin di Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara beriklim tropika dengan suhu purata antara 28-31°C dan taburan hujan yang banyak sepanjang tahun. Keadaan cuaca yang panas dan lembap ini menggalakkan pembiakan *Aspergillus flavus* dan seterusnya penghasilan aflatoksin. Di Malaysia, banyak kejadian dan tahap pencemaran aflatoksin dalam makanan berasaskan kanji, kacang tanah dan produk jagung telah dilaporkan. 65% daripada produk kacang tanah dalam pasaran di Malaysia didapati tercemar dengan aflatoksin secara purata pada tahap 50µg/kg (maksima 180µg/kg). Selain itu, pencemaran aflatoksin juga turut dilaporkan berlaku pada cili kering.

Aflatoksin: Sumber dan Ancamannya Terhadap Kesehatan



Kawalan pencemaran aflatoksin melalui akta dan peraturan

Menyedari tentang bahaya aflatoksin terhadap kesihatan, negara-negara di seluruh dunia telah menetapkan had maksimum kandungan aflatoksin dalam komoditi makanan. Amerika Syarikat menguatkuasakan aras yang dibenarkan untuk aflatoksin sebanyak 20µg/kg, sementara Kesatuan Eropah (EU) pula menetapkan aras yang dibenarkan pada 4µg/kg. Di Malaysia, Akta Makanan 1983 dan Peraturan Makanan 1985, menghadkan kandungan aflatoksin (jumlah AFB1, AFB2, AFG1 dan AFG2) pada paras 15µg/kg dalam kacang tanah, badam, kacang hazel, pistasio, kacang Brazil dikupas cengkerang atau kulitnya untuk pemprosesan lanjut; 10µg/kg dalam kacang tanah, badam, kacang hazel, kacang pistasio, kacang Brazil dikupas cengkerang atau kulitnya yang sedia untuk dimakan; 0.1µg/kg dalam bijirin makanan untuk bayi dan kanak-kanak; dan 5µg/kg untuk lain-lain makanan (Akta Makanan dan Peraturan, 2019).

Tips dan amalan yang boleh dilakukan untuk mengelakkan keracunan aflatoksin

Aflatoksin sangat stabil secara kimia di dalam makanan dan tidak dapat dimusnahkan dengan cara memasak biasa seperti menumis, menggoreng, merebus, mengukus dan sebagainya. Oleh itu, tips-tips berikut boleh diamalkan untuk mencegah keracunan aflatoksin:

1. Amalkan gaya hidup sihat dan makan makanan seimbang termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran.
2. Makan kacang dan bijirin dalam jumlah yang sederhana.
3. Simpan makanan ditempat kedap dan kering mengikut arahan pada label.
4. Elakkan membeli bijirin dan kacang yang menunjukkan tanda-tanda kerosakan seperti ditumbuhi kulat atau telah berubah tekstur dan warna.



PUSAT RACUN NEGARA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



Pusat Racun Negara adalah sebuah pusat kecemerlangan di Universiti Sains Malaysia yang ditubuhkan pada 1994 sebagai **pusat konsultasi untuk maklumat ubat dan racun serta pengurusan keracunan**.

Peranan PRN sebagai **Clearinghouse for Tobacco Control (C-Tob)** telah diberikan oleh Rockefeller Foundation di New York untuk menyokong aktiviti berkaitan kawalan tembakau di Asia Tenggara.

Makmal Toksikologi mendapatkan pengiktirafan sebagai **makmal swasta bagi Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)** bagi ujian *sibuteramine*

1994

1998

2001

2011

2018

2019

PRN telah menerima pengiktirafan sebagai **Pusat Kolaborasi bagi Pertubuhan Kesihatan Dunia untuk Maklumat Ubat** – (*World Health Organization Collaborating Centre for Drug Information (Western-Pacific Region)*).


Makmal Toksikologi telah menerima akreditasi bagi pensijilan **MS ISO/IEC 17025:2005** untuk ujian makmal.

PRN mendapat pengiktirafan sebagai **Pusat Kecemerlangan Universiti** dalam kategori Perkhidmatan.

PRN Menang Dua Anugerah dalam MTE2021
26 Mac 2021



PRN melangkah ke tahun 2021 dengan satu pencapaian yang amat memberangsangkan apabila produk 'MyTOXData System - Malaysian Toxicological Database' yang dibangunkan PRN dengan kerjasama Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi telah memenangi 2 anugerah dalam Malaysia Technology Expo 2021 yang telah dijalankan secara maya dari 22 hingga 26 Mac 2021. Produk ini telah memenangi Anugerah Emas dan Anugerah Khas daripada Japan Intellectual Property Association (JIPA).





BULAN PENCEGAHAN KERACUNAN KEBANGSAAN 2021

TARIKH 10 Mac hingga 7 April 2021

PLATFORM Dalam Talian: PUSAT RACUN NEGARA

Buat julung kalinya, Pusat Racun Negara telah menganjurkan Bulan Pencegahan Keracunan Kebangsaan (BPKK) 2021 dengan kerjasama Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS), Bahagian Kelestarian dan Pembangunan Institusi (BKPI) dan ALUMNI USM. Program selama sebulan ini telah berlangsung dari 10 Mac hingga 7 April 2021. Program ini merupakan kesinambungan daripada Kempen Kediamaan Selamat Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 2018-2020. Program kempen kesedaran untuk mencegah keracunan ke seluruh negara dengan tema “CEGAH ELAK PADAH” ini telah diadakan secara dalam talian sepenuhnya sebagai menyahut cabaran pembudayaan norma baharu yang disarankan oleh pihak kerajaan.

Matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang risiko keracunan dan memperkasakan komuniti untuk mencegah keracunan daripada berlaku. Pelbagai aktiviti secara dalam talian telah dilaksanakan: (1) Projek ‘Adopt a Kit’; (2) Slot bersama Radio; (3) Siri Webinar Keracunan; (4) Pertandingan ‘Snap & Win Contest’; (5) Pertandingan Kuiz ‘Borak Tak Kosong’; (6) Pertandingan Bercerita Kanak-kanak. Sambutan yang amat menggalakkan bagi setiap aktiviti yang telah dilaksanakan menggambarkan bahawa masyarakat kini lebih cakna berkenaan keselamatan kimia dan pencegahan keracunan.

Sepanjang program ini berlangsung, capaian Facebook PRN telah meningkat sehingga 100,000 capaian manakala jumlah pengikut juga meningkat sebanyak 1,305 menjadikan jumlah keseluruhan pengikut FB PRN 19,268.

Projek ‘Adopt a Kit’

Adopt a Kit!
Sumbangan Kit Pendidikan kepada Kanak-Kanak Tadika

SIRI BEBAS ASAP ROKOK

PROJEK HUSNA
SITI PERGI BERCUTI
AYAH AMIN SESAK NERAKSI
GIGI ATUK KUNING
HADIAH TERBISTIMAWA
KENAPA ADI GEMBIRA?

“Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya”

Maklumat Lanjut: Cik Noor Afiza | +04 6532092 | noor_afiza@usm.my

Program ini melibatkan pengumpulan DANA atau SUMBANGAN daripada pihak persendirian, badan korporat ataupun institusi untuk menaja Produk IBest: BUKU CERITA SIRI BEBAS ASAP ROKOK sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak Tadika yang majoritinya daripada keluarga B40. BUKU CERITA SIRI BEBAS ASAP ROKOK merupakan inisiatif Pusat Racun Negara bagi mendidik kanak-kanak seawal 4 tahun mengenai BAHAYA MEROKOK dan KESAN ASAP ROKOK BASI. Ianya diolah dalam bentuk cerita kanak-kanak yang santai, ringkas, mudah difahami di samping ilustrasi yang menarik. Ini secara tidak langsung dapat menarik minat kanak-kanak untuk membaca, memahami informasi yang ingin disampaikan serta membentuk jati diri untuk tidak merokok apabila dewasa kelak. Menerusi bahan pendidikan ini, kanak-kanak berpotensi dijadikan agen pendorong bagi ahli keluarga untuk berhenti merokok.

Setakat 7 April, projek ini telah berjaya memperoleh tajaan untuk 40 set buku cerita dan pembelian terus 20 set buku cerita. PRN mengucapkan berbilang terima kasih kepada individu yang telah menyokong projek ini.

Ringkasan penyertaan dalam aktiviti-aktiviti Bulan Pencegahan Keracunan Kebangsaan 2021:

1. *Pertandingan video adik bijak bercerita telah mendapat sebanyak 48 video penyertaan.*
2. *Pertandingan Snap & Win pula telah mendapat 58 penyertaan.*
3. *Kuiz Borak Tak Kosong mendapat 636 penyertaan.*
4. *Webinar Keracunan Cendawan telah mendapat 610 peserta dalam talian.*
5. *Webinar Keselamatan Kanak-kanak telah berjaya mendapat 492 peserta secara atas talian.*

KERACUNAN DI RUMAH: APA NAK BUAT?
BUAL BICARA RADIO

PN. NUR AFNI AMIR
PEGAWAI FARMASI
PUSAT RACUN NEGARA

11 MAC 2021
8.30 PAGI

Akan disiarkan juga di Facebook Pusat Racun Negara

BULAN PENCEGAHAN KERACUNAN KEBANGSAAN 2021
CEGAH ELAK PADAM

SNAP & MENANG
(26 Feb - 26 Mac)

CARA PENYERTAAN:

- 1 FOLLOW Like
- 2 SNAP!
- 3 UPLOAD dengan # DAN tag kami @

HADIAH WANG TUNAI BERJUMLAH **RM 850**

terma & syarat

fb: prn.usm | ig: pusatracunnegara.usm.official

WEBINAR PRN@USM
CENDAWAN BERACUN

Selamatkan makanan anda dengan cara yang betul! Adakah kesan kepada kesihatan jika terdapat cendawan beracun? Adakah cara terbaik untuk mengatasi cendawan beracun? Dapatkan apakah yang sering menyebabkan keracunan di negara kita?

23 MAC 2021
2:30 - 3:30 PETANG

Disampaikan oleh:

- CENDAWAN BERACUN DI MALAYSIA**
Dr. Rosnida Tajuddin
Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Sains Kajihayat, USM
- LAPORAN KES CENDAWAN BERACUN**
Pn. Sazaroni Md Rashid
Pegawai Farmasi, Pusat Racun Negara, USM

Pendaftaran: <https://bit.ly/30n7Lpv>

Terbit kepada 200 peserta sehingga 1 Mac 2021. Setelah tamat, kepada staf USM. E-mel akan dihantar kepada peserta yang mendaftar.

ONLINE WEBINAR
KESIHATAN, KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK DI RUMAH

SEMPENA BULAN PENCEGAHAN KERACUNAN KEBANGSAAN 2021 DAN BULAN KESELAMATAN USM 2021

MODERATOR
DR HADZLIANA BINTI ZAINAL
Pensyarah Kanan
Disiplin Farmasi Klinikal
Pusat Pengajian Sains Farmasi, USM

DEMAN PADA KANAK-KANAK: APA YANG PERLU ANDA TAHU?
DR NUR ARZUAR ABDUL RAHIM
Pakar Kanak-Kanak dan Pensyarah Perubatan
Institut Perubatan dan Pergigian Termaaju, USM

KANAK-KANAK DAN KERACUNAN: SELAMATKAN RUMAH ANDA?
PUAN NUR AFNI AMIR
Pegawai Farmasi
Pusat Racun Negara, USM

KESAN PENGGUNAAN GAJET DI KALANGAN KANAK-KANAK
PUAN WAN NUR AZLIANA WAN ABDUL RAHMAN
Penolong Pengarah Kanan (Family Coach)
LPPKN Pulau Pinang

31 MAC 2021
2.30-4.30 PM



PRN membuka lembaran baru 2021 dengan inisiatif 'webinar' toksikologi yang bertujuan untuk memperkasa masyarakat dengan pengetahuan berkaitan toksikologi selaras dengan misi PRN memupuk kesihatan. Siri webinar ini dirancang untuk dilaksanakan setiap bulan dengan tajuk-tajuk pilihan dan akan dilaksanakan secara dalam talian.

Webinar PRN@USM

Kosmetik
BERKUALITI & SELAMAT:
APA YANG ANDA PERLU TAHU

Tahukah anda produk kosmetik yang mengandungi bahan terlarang atau bahan kimia berbahaya boleh memudaratkan kesihatan para pengguna? Untuk ketahui secara lanjut, ikuti webinar ini

29 Januari 2021
3:00 petang - 3:30 petang

Pendaftaran: <https://bit.ly/39WogNz>
Live: <https://bit.ly/3a035tP>

Penyampai
En. Azaharudin, Pegawai Farmasi
Pengurus Malmal Toksikologi
Pusat Racun Negara

Sebarang pertanyaan, hubungi 0164107259 (Pn. Saza)
Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang
Tel: 046532265 | prnnet@usm.my

KUIZ Borak Tak Kosong

TONTON, JAWAB DAN MENANG!
RM50 X 10 PEMENANG

SYARAT PERTANDINGAN:

- Semua warganegara Malaysia adalah dijemput untuk menyertai pertandingan kuiz.
- LIKE & FOLLOW laman Facebook Pusat Racun Negara
- TONTON & LIKE video Borak Tak Kosong: Bendang People 1 & 2
- Peserta dikehendaki menjawab soalan kuiz berdasarkan video Borak Tak Kosong
- Hanya 2 kali percubaan sahaja dibenarkan untuk peserta menjawab markah
- Semua penyertaan yang memenuhi syarat layak untuk menerima e-sijil penyertaan
- Peserta dengan jawapan SEHUIA TEPAT sahaja layak untuk diundi bagi pemilihan pemenang
- 10 pemenang akan dipilih secara rawak untuk memenangi hadiah berupa wang tunai RM50 setiap seorang beserta sijil penyertaan.
- Nama pemenang akan dipaparkan di laman Facebook PRN dan pemenang akan dihubungi oleh wakil PRN & dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas pengumuman dibuat.
- Sebarang keputusan Panel Hakim bagi pemilihan pemenang adalah MUKTAMAD.

TARIKH TUTUP
26 MAC 2021

Pendaftaran & penyertaan
<https://bit.ly/3pStNuq>

BULAN PENCEGAHAN KERACUNAN KEBANGSAAN 2021
CEGAH ELAK PADAM

Pendaftaran: <https://bit.ly/3pStNuq>

Pertandingan Video Adik Bijak Bercerita

HADIAH BERJUMLAH **RM440** UNTUK DIMENANGI

2 KATEGORI:

1. ADIK COMEL (6-9 TAHUN)
2. ADIK BIJAK (10-12 TAHUN)

Tema cerita:

- Keselamatan kimia di rumah atau;
- Keprihatinan dalam pengambilan ubat/vitamin atau;
- Ancaman haiwan berbita/tumbuhan beracun atau;
- Sejahteraan alam sekitar daripada pencemaran

TARIKH TUTUP PENDAFTARAN: **26 MAC 2021**

TARIKH AKHIR PENGANTARAN VIDEO: **31 MAC 2021**

Syarat umum:

- Warganegara Malaysia
- Pendaftaran awal secara dalam talian di: <http://bit.ly/BPKKStartytelling>
- Daftar dahulu, hantar video kemudian. Urusetia akan menghubungi anda
- Penyampian dalam Bahasa Melayu. Tidak wajib mengahf teks cerita

COVID-19: WAJARKAH PRODUK BERISIKO ROKOK DAN VAPE DIHARAMKAN?

ONLINE WEBINAR

TARIKH : 25 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)
MASA : 2.30 PETANG - 4.30 PETANG

MODERATOR
LT KOL (DR) RUSYANIE BINTI RAMLI
Pegawai Perubatan Kanan
Angkatan Tentera Malaysia & ahli Medical MyHuster Malaysia

COVID-19: RISIKO PEROKOK MENDAPAT KOMPLIKASI YANG LEBIH TERUK
PROF. MADYA DR. ROSLIZA BINTI ABDUL MANAF
Pakar Perubatan Kesihatan Awam dan Ketua Jabatan Kesihatan Komuniti, Pengarah Perubatan & Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia

INDUSTRI ROKOK DAN VAPE PENYUMBANG KEPADA EKONOMI NEGARA?
PUAN CHEE YOK LING
Pengarah Eksekutif
Third World Network (TWN)

ROKOK SEKIAN LAMA MEMUDARAT. BAGAIMANA PULA ROKOK ELEKTRONIK/VAPE?
PN. SULASTRI SAMSUDIN
Pegawai Farmasi
Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia


Pendaftaran untuk sesi interaktif (webex): <http://bit.ly/3B86ed>
*Masuk dan menyertai kepada staf USM

Pautan interaktif live: <http://bit.ly/3Z2wFHM>

ANDARAN BERSEAMA:
PUSAT RACUN NEGARA, USM, PUBLIC HEALTH MALAYSIA, MEDICAL MYHUSTER MALAYSIA
NATIONAL CANCER SOCIETY MALAYSIA, MALAYSIAN WOMEN'S ACTION FOR TOBACCO CONTROL AND HEALTH

KEPUTUSAN PENUH PERTANDINGAN DALAM BULAN PENCEGAHAN KERACUNAN KEBANGSAAN 2021

Tahniah kepada semua pemenang!



PERTANDINGAN VIDEO ADIK BIJAK BER CERITA



Kategori Adik Bijak

Tempat Pertama:

Iris Ramadhani Bt. Noor Mohamed

Tempat Kedua:

Chow Li She

Tempat Ketiga:

Emeer Zaqrill Bin Naezi Azimi

Saguhati:

1. Sonia Anna Henon
2. Atiqah Dairiyya Binti Mohd Hajiz
3. Hibaahra Subramaniam
4. Siti Nur Amalya Sofea Binti Mohd Hafizuddin
5. Danisha Zulaikha Binti M. Zulkiflee
6. Dhinesree A/P Arivananthan
7. Lee Jovie

Kategori Adik Comel

Tempat Pertama:

Dhipekka Srinil A/P Sarwanan Kumar

Tempat Kedua:

Dawendra Iris Fajika

Tempat Ketiga:

Thanashri A/P Pugheseshwaran

Saguhati:

1. Emran Zahirill Bin Naezi Azimi
2. Nik Aunisa Raihana Binti Nik Abdullah
3. Almira Huana Binti Abdul Halim
4. Swasthanna Sukhmanjeet Kaur
5. Dayangku Amniyya Husairah Bt Pg Wazir
6. Sidiq A/L. Romario
7. Ariana Nur Safiyya Bt Arif Zakwan

Komen Terbaik di Facebook PER:

Alysa Izati

PERTANDINGAN SNAP AND WIN



Tempat Pertama:

farahabilbeshakar (IG)

Tempat Kedua:

Zsa Leon (FB)

Tempat Ketiga:

hendayani_n_net_ (IG)

Saguhati:

1. Naimah Marcus (FB)
2. Wan Mohd Faizul Adli (FB)
3. dlay_reza (IG)
4. Ayyiqinikamdan (FB)
5. Mohd Nisa Othman (FB)



PERTANDINGAN KUIZ BORAK TAK KOSONG

1. Ong Tong Jun
2. Despika Sri A/P Venugopalan
3. Nur Syazana Binti Mohammad Noor
4. Sazwin A/L. Tamilselvam
5. Ahmad Inayad B Zulkoffi
6. Hayden Raychelle Hedman
7. Mohammad Akhmal B abd Hamid
8. Mohd Zulhumi B Nordin
9. Muhammad Saifulah B Setafa
10. Siti Nurulisa Binti Alias

Latihan Industri di PRN 22 Feb-4 April 2021




Pada 22 Februari sehingga 4 April 2021, 5 orang pelajar latihan industri (Chan Qiao Hui, Nurul Azreen Syafina Binti Mohd. Nizar, Nornadia Nazuha Binti Abu Kasim, Nurul Amilin Binti Yusoff dan Nurul Suhaida Binti Mohamed) dari Pusat Pengajian Sains Kimia telah mendaftar diri di Makmal Toksikologi, Pusat Racun Negara. Seorang lagi (Nursyaza Dini Binti Mohammad Zaip) adalah pelajar dari Pusat Pengajian Sains Kesehatan yang ditempatkan di Makmal Toksikologi, PRN selama 4 minggu. Antara objektif latihan industri ini ialah:

1. Mendedahkan pelajar kepada suasana dan pengalaman bekerja di dalam makmal.
2. Mempelajari rutin harian makmal perkhidmatan bermula dari penerimaan sampel sehingga pengeluaran keputusan kepada pelanggan.
3. Memperkenalkan perkhidmatan analisis yang dijalankan di makmal dan kepentingannya.
4. Mempelajari kaedah kalibrasi peralatan kecil makmal.
5. Mempelajari kesihatan dan keselamatan makmal.



Latihan industri yang mengetengahkan latihan teori dan praktikal disamping skil pengendalian peralatan makmal ternyata memberi pengalaman baru kepada pelajar. Pelajar didedahkan dengan suasana bekerja sebenar dengan kehadiran sampel, sampel analisis dan rutin makmal lain seperti kalibrasi peralatan dan lain-lain yang perlu dilaksanakan pada masa yang sama ternyata memberi pengalaman yang sangat berharga kepada mereka.

Secara keseluruhan, pelajar amat berpuas hati dengan pembelajaran dan pengalaman baru yang diperolehi di Makmal Toksikologi, Pusat Racun Negara dan merasakan masa yang ada terlalu singkat dan berlalu dengan pantas untuk mereka menimba lebih ilmu dan pengalaman di Makmal Toksikologi, Pusat Racun Negara. Harapan kami, semoga pelajar dapat mempraktikkan ilmu dan pengalaman yang diperolehi dalam apa jua bidang yang diceburi nanti. Selamat Berjaya!!



Sidang Redaksi



Ketua Penyunting

Profesor Madya Balamurugan Tangiisuran



Penyunting Kanan

Rosman Ahmad

Penyelaras Kandungan



Nur Afni Amir

Penyunting



Sulastris Samsudin



Mohd Fadhli Razali



Nur Afni Amir



Norjuliana Mohd Noor



Mohamed Nazri
Mohamed Tahir



Web Master

Natrah Mustapha

Grafik dan Layout

Rosman Ahmad

Pengarang

Mohd Fadhli Razali
Sulastris Samsudin
Dr Leong Yin Hui



9771394523800

Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang

04 657 0099 <https://www.facebook.com/prnsm/>

prnnet.usm.my <https://www.prn.usm.my>